

**Henti buruk sangka jabat tangan Najib-Muhyiddin, kata menteri
Malaysian Insider
Dec 14, 2015
Oleh Yasmin Ramlan**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Shahidan Kassim hari ini mengingatkan semua pihak berhenti membuat andaian dan mempertikaikan ketelusan perdamaian antara Presiden Umno Datuk Seri Najib Razak dan Timbalan Presiden Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Shahidan menyifatkan kedua-dua individu itu pemimpin berjiwa besar dan perdamaian merupakan permulaan baharu untuk membina kekuatan dalam parti Melayu tersebut.

"Walaupun semasa berada di sana banyak kritikan dibuat secara bersemuka terhadap Muhyiddin, beliau ia terus mendengar ucapan penggulungan hingga akhir.

"Jadi, jangan ada mana-mana pihak buat interpretasi tangan yang dijabat itu tidak mesra. Dalam Islam, ia disebut buruk sangka. Pada pandangan saya, tidak boleh mengungkit perkara yang lepas. Datuk Seri Najib tidak boleh mengungkit yang lepas, begitu juga Tan Sri Muhyiddin tidak boleh ungkit yang lepas.

"Sebaliknya, mulakan kehidupan baharu untuk membina kekuatan Umno kerana parti ini wadah perjuangan orang Melayu," katanya kepada pemberita di lobi Dewan Negara hari ini.

Katanya, sekiranya pemimpin lemah mentadbir negara dan sering berpecah-belah sesama sendiri, sokongan tidak akan diperoleh.

"Bila orang Melayu kuat, orang Cina sokong, orang India sokong. Tapi Melayu yang tak kuat mereka tak boleh sokong.

"Mereka tak boleh sokong (pemimpin) Bumiputera yang tak kuat, lemah. Pemimpin yang lemah tak mampu mentadbir negara. Kena ingat orang-orang Bumiputera concern kepada Bumiputera yang pecah-belah.

"Dan parti Bumiputera paling kuat adalah Umno. Jadi kita tak ada pilihan. Bagi memperkukuhkan Umno supaya ia menjadi wadah perjuangan Bumiputera dan orang Melayu, Umno perlukan pemimpin-pemimpin yang mampu membawa perdamaian tersebut," katanya.

Najib semasa akhir ucapan penutup perhimpunan agung Umno pada Sabtu [menghulurkan tangan untuk bersalam](#) dengan pengkritiknya Muhyiddin yang disambut tepukan gemuruh perwakilan dalam Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur.

Bagaimanapun selepas bersalaman, Muhyiddin mahu melihat presiden Umno menyelesaikan krisis kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap pentadbirannya dan bukan sekadar cakap saja.

Beliau mengharapkan perdana menteri akan mengambil langkah sebaiknya untuk menyelesaikan masalah dibangkitkan beliau. – 14 Disember, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/henti-buruk-sangka-jabat-tangan-najib-muhyiddin-kata-menteri>